

06 JUL 1999

PEMIMPIN TERTINGGI IT KUNJUNGI DR MAHATHIR

PUTRAJAYA, 6 Julai (Bernama) -- Pengerusi SGI World Trade, Robert R.Bishop hari ini mengunjungi Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad di pejabatnya di sini.

Bishop berada di Malaysia untuk menghadiri mesyuarat Panel Penasihat Antarabangsa (IAP) Koridor Raya Multimedia (MSC) di Cyberjaya selama tiga hari mulai Khamis ini.

SGI atau Silicon Graphics yang beribu pejabat di California, Amerika Syarikat, merupakan syarikat terkemuka dalam pasaran pengkomputeran teknikal dengan pendapatan bagi tahun kewangan 1998 berjumlah US\$3.1 bilion (kira-kira RM11 bilion).

Panel yang mengandungi pemimpin industri multimedia dan pakar-pakar itu, ditubuhkan untuk menasihati kerajaan mengenai MSC, kawasan 750 km persegi antara Kuala Lumpur City Centre dan Lapangan Terbang Antarabangsa KL di Sepang, yang dikhaskan sebagai pusat bagi pembangunan produk dan perkhidmatan multimedia.

-- BERNAMA

ES NMO